

24 MAY 1997

Hungary-Pelawa

HUNGARY PELAWA MALAYSIA LABUR DALAM TUJUH BIDANG INDUSTRI

Oleh: Lat Zaharah Abdul Mutalib

BUDAPEST, 24 Mei (Bernama) -- Sektor swasta Malaysia dipelawa melabur dalam tujuh bidang industri di Hungary secara usahasama, kata Timbalan Ketua Setiausaha I Kementerian Luar, Datuk Ghazzali Sheikh Abdul Majid.

Beliau berkata Menteri Pengangkutan Hungary, Dr Karoly Lotz membuat pelawaan itu semasa menyampaikan taklimat kepada Yang di-Pertuan Agong Tuanku Jaafar.

Ghazzali berkata, tujuh bidang industri itu meliputi pembuatan kenderaan seperti trak dan bas, pembinaan lebuh raya dan pembangunan perkhidmatan keretapi.

Bidang lain termasuk kemungkinan penswastaan perkhidmatan laut dan udara Hungary, Malev Air, yang boleh disertai Penerbangan Malaysia (MAS)," katanya kepada wartawan Malaysia yang menyertai lawatan rasmi lima hari Tuanku Jaafar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, yang berakhir semalam.

Seri Paduka Baginda berdua kini berada di St. Petersburg, Rusia untuk lawatan tidak rasmi empat hari sebelum melakukan lawatan rasmi tiga hari ke Poland dari 26 Mei hingga 29 Mei.

Ghazzali berkata, bidang lain yang boleh disertai pelabur Malaysia secara usahasama ialah telekomunikasi, perumahan dan pelancongan, yang meliputi pembinaan hotel lima bintang dan "budget hotel".

Katanya, ekonomi Hungary sudah mula menampakkan tanda-tanda pemulihan dan pelabur mereka sedang menunggu lawatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama sektor swasta Malaysia yang dijangka bulan depan.

"Hungary yang kini mencatat peningkatan dalam jumlah eksport dan pertumbuhan ekonomi yang baik, berpengalaman luas dalam pembuatan koc keretapi. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) mengimport koc-koc KTM Komuter dari Hungary," katanya.

Katanya, RABA, sebuah syarikat membuat trak dan bas di Hungary, berminat untuk mencari rakan kongsi bagi memulakan industri itu di Malaysia.

Pada majlis itu, Ghazzali telah diminta oleh Tuanku Jaafar supaya menyampaikan taklimat mengenai projek Koridor Raya Multimedia (MSC) untuk pengetahuan kerajaan dan sektor swasta Hungary. -- BERNAMA

LAT FAZ